

'Kuan Yew hasut Cina'

PM mahu utus surat minta penjelasan Menteri Mentor Singapura

Oleh Magendran Rajagopal dan Zaharah Othman

SEPANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew, memberi penjelasan mengenai kenyataannya yang dianggap boleh menghasut rakyat kaum Cina di negara ini, dan tidak sepatutnya dikeluarkan seorang pemimpin negara jiran.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengutus surat kepada Kuan Yew bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenyataannya bahawa masyarakat Cina di sini semakin dipinggirkan.

"Ini kenyataan yang akan menghasut rakyat berketurunan Cina kita dan tidak wajar dibuat seorang pemimpin negara jiran"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

"Ini adalah kenyataan yang akan menghasut rakyat berketurunan Cina kita dan tidak wajar dibuat seorang pemimpin negara jiran.

"Saya ada baca beberapa reaksi termasuk kenyataan Najib (Datuk Seri Najib Razak) yang kata itu kenyataan nakal. Saya setuju, Lee harus faham bahawa hubungan Malaysia-Singapura adalah sesuatu yang perlu dipelihara bagi menjaga kestabilan negara masing-masing.

"Kalau negara kita tidak stabil, Singapura juga mengalami kesannya kerana mereka banyak kepentingan di sini dari segi ekonomi," katanya pada sidang media sekembali dari lawatan kerja luar negara

di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak nampak apa kekhuatiran Lee sehingga mendorongnya membuat kenyataan itu dan mahu tahu apa analisis yang dilakukan bagi mencapai kesimpulan berkenaan.

Katanya, Singapura juga ada masalah mereka sendiri walaupun bukannya dari segi hubungan kaum kerana tidak semuanya di Singapura 100 peratus baik.

Sebelum itu, ketika di London, Abdullah berkata, Malaysia tidak

LIHAT MUKA 2

Barat cuba hukum negara Islam

DARI MUKA 1

pernah meminggirkan mana-mana kaum, khususnya masyarakat Cina, sebaliknya kepentingan mereka sentiasa terbela.

"Itu sebenarnya yang kita laksanakan pada masa ini dan kalau kita ambil kira kemajuan kaum, saya percaya tidak ada siapa berani menyatakan masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan atau terpinggir," katanya selepas majlis mesra pemimpin pelajar Malaysia di United Kingdom (UK).

Mengenai keengganan Barat memenuhi tuntutan negara Islam di Timur Tengah supaya Israel mengisytiharkan kelengkapan senjata nuklear, Abdullah menegur perbuatan itu sebagai sikap berat sebelah Barat.

Katanya, kuasa Barat yang mahu negara lain mengisytiharkan kelengkapan nuklear masing-masing seharusnya bertindak adil dan menyeluruh tanpa pilih kasih atau pengecualian.

"Ini tidak saksama, kenapa mereka (Barat) perlu menyokong Israel sehingga tahap yang tidak wajar. Nampaknya mereka cuba menghukum negara lain, terutama negara Islam kerana dilihat terbabit dengan apa yang mereka andaikan penyelidikan untuk buat bom nuklear.

"Walaupun Iran menegaskan pembangunan nuklearnya secara aman sebagai sumber tenaga, ia masih lagi diragui tetapi kenapa mereka perlu halang bila ada usul daripada dunia Arab supaya Israel mengisytiharkan kelengkapan nuklearnya," katanya.

Beliau berkata, pendirian Barat seperti itu adalah antara faktor yang mendorong rasa tidak

senang hati di kalangan negara Islam.

Mengenai perkembangan di Thailand, khususnya wilayah selatan, beliau berkata, keadaan itu perlu dipantau sepanjang masa kerana mampu memberi kesan kepada negara, sekurang-kurangnya dari segi ekonomi.

"Setakat ini, rampasan kuasa di Thailand tidak banyak memberi kesan kepada negara tetapi saya belum mendapat laporan penuh mengenainya.

"Tadi saya sempat bercakap dengan Tan Sri Musa Hassan. (Ketua Polis Negara) dan beliau berkata kawalan di sempadan tidak menemui kes pelarian dan sebagainya atau kesan sempadan kita terancam," katanya.

Mengenai lawatan kerjanya pula, Abdullah berkata, beliau menerima sambutan menggalakkan daripada usahawan Eropah dan Barat yang yakin dengan kedudukan ekonomi negara dan pendekatan yang diambil menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Bajet 2007.

Katanya, mereka memberi pandangan jujur bahawa yakin dengan strategi ekonomi negara kerana mereka mempunyai kepentingan perniagaan di sini.

Perdana Menteri menyifatkan perkembangan ekonomi negara dengan kadar inflasi terkawal serta penurunan harga minyak yang kini antara RM222 hingga RM225 setong akan merancakkan lagi kegiatan ekonomi negara.

"Negara kini dalam kedudukan lebih baik kerana pembentangan RMK-9 dan Bajet 2007 mengambil kira pertumbuhan ekonomi global semasa ketika itu sekitar 40.9 peratus tetapi kini ia meningkat sehingga 50.1 peratus," katanya.